



KOPI PAHIT

Nyonya Shirin Fozdar dalam syarahannya baharu-baharu ini dikatakan menganjurkan, untuk keamanan dunia, supaya diadakan kahwin campuran - dan inilah konon dikatakannya, salah satu jalan kepada keamanan itu yang dianjurkan oleh puaknya, puak bahaya. Perkahwinan campuran itu dianjurkan juga oleh Islam tetapi dengan syarat bahawa hendaklah mereka sama-sama Islam dahulu. Kalau tidak Islam maka ditegah terutamanya pula kalau yang berkenaan itu perempuan. Dengan keterangan ini zahir di mana kedudukan Nyonya Fozdar- sebab itu janganlah masuk campur dalam urusan orang Islam, sebab orang Islam tidak memandang puak bahaya itu daripada Islam. Hubaya-hubaya hendaklah kita beringat!

* * *

Istana Johor dengan rasmi telah mengisyiharkan supaya minuman keras ditegah di dalam istiadat-istiadat rasmi di istana itu. Berita ini tentulah disyukuri oleh orang-orang Islam amnya. Mudah-mudahan ini diikut pula oleh istana-istana Raja-raja Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan juga oleh kerajaan Persekutuan kerana tidakkah sudah diakui bahawa agama rasmi Persekutuan itu agama Islam? Islam menegah perkara-perkara maksiat dibuat dan jika ketua-ketua negara tidak menghormatinya maka siapakah yang akan menghormatinya lagi?

* * *

Nampaknya orang hidup di Singapura ini menjadi serba salah. Seseorang hartawan, banyak wang hidupnya tidak aman sebab setiap saat mereka diugut akan diculik (dilarikan) dan kalau sudah dapat dilarikan dituntut bayaran, dan kalau tidak dibayar wallahualam. Kalau miskin hidup segan mati tak mahu-Sentiasa diliputi oleh penderitaan. Apakah keadaan yang demikian ini akibat daripada banyaknya orang-orang yang tidak bekerja-juga wallahualam- ini ialah jawab yang semudah-mudahnya.

* * *

Tuan Lim Yew Hock, Ketua Menteri Singapura telah mengambil langkah menyapu gerakan-gerakan Komunis. Langkah ini sebenarnya patut dijalankan lebih dahulu lagi supaya mereka jangan berkокok. Kalau langkah ini dikatakan keras oleh sebahagian pihak, kita pandang langkah terhadap Komunis belum cukup keras-sebab itu langkah yang lebih keras patut diambil sebab bagi orang-orang yang beragama, terutamanya agama Islam, terhadap musuh-musuhnya mesti tegas.

* * *

Di antara orang-orang yang pertama sekali yang masuk di dalam list hitam Sukarno, menurut punca-punca yang dipercayai, ialah Ketua Umum Masyumi, Tuan Mohammad Natsir. Apabila sesbuah kuasa pakai list hitam terhadap musuhnya tentu tahu sama tahulah - silap-silap nanti lehernya kena potong. Sebabnya tentu orang-orang mengetahui bahawa muhu berkuasa - dan tidak muhu ada orang yang menghalangi kekuasaan yang sewenang-wenang itu -yang cukup syarat-syaratnya menentang agama Islam. Kalau muhu buktinya lebih terang dalam hal ini tanya: - Cemeti al-Farouk.